

DASAR ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG) SIRIM



PERNYATAAN DASAR:

Amalan ESG merangkumi semua aspek perancangan dan operasi perniagaan kami. Kami komited untuk memastikan kelestarian alam sekitar, tanggungjawab sosial dan tadbir urus korporat yang berkesan dalam semua aspek perniagaan kami. Pernyataan Dasar ESG ini mencerminkan komitmen kami di dalam semua dasar dan keputusan-keputusan perniagaan di samping memberi perhatian kepada peluang-peluang bagi kelestarian.

Kami berhasrat untuk memacu dan mewujudkan ekosistem perniagaan lestari yang melindungi dan memulihara alam sekitar, membina impak sosial yang positif dan mengamalkan tadbir urus dan etika pengurusan yang kukuh dalam aktiviti-aktiviti perniagaan kami.

Lembaga Pengarah kami bertanggungjawab untuk menyemak dan menyelia dasar dan rangka kerja ESG. Pengurusan SIRIM pula menyelia pelaksanaan dasar ini dan menyelaras usaha untuk mengenal pasti, melapor dan mengurangkan risiko dan mengenal pasti peluang-peluang ESG, serta menggalakkan libat urus dalam isu-isu ESG dengan pakar, pekerja, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain.

Faktor ESG yang dimasukkan ke dalam proses penilaian pelaburan dan proses pemantauan kami termasuk tiga (3) tonggak ESG seperti berikut:

Kelestarian Alam Sekitar

Kami komited untuk beroperasi dengan cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Kami berpegang teguh pada kewajipan kami untuk meminimumkan kesan aktiviti perniagaan kami kepada alam sekitar dengan memberi inspirasi kepada pekerja dan pihak berkepentingan untuk mengurus dan mentadbir pelepasan karbon, sisa, bahan, air dan efluennya, udara dan biodiversiti dengan berkesan.

Tanggungjawab Sosial

Kami komited untuk menjadi majikan yang bertanggungjawab dari segi sosial dengan menggalakkan persekitaran kerja yang pelbagai dan menyeluruh merentasi perniagaan kami. Kami memastikan adanya pampasan dan manfaat yang bersesuaian, pematuhan ketat terhadap standard kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta menyemai budaya prestasi tinggi dalam organisasi.

Tadbir Urus Korporat yang Berkesan

Kami komited untuk membina budaya tingkah laku perniagaan yang beretika dan amalan korporat yang bertanggungjawab. Kami percaya bahawa tadbir urus korporat yang kukuh adalah asas kepada pelaksanaan komitmen kami.

Kami rangkumkan kelestarian dan integriti dalam proses membuat keputusan di seluruh organisasi bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban serta memelihara nilai teras kami untuk pihak berkepentingan kami. Amalan tadbir urus korporat merangkumi pematuhan pada keperluan undang-undang, standard, dasar dan garis panduan yang terpakai.

OBJEKTIF DASAR:

1. Menggalakkan kefahaman bersama dan memupuk amalan lazim untuk pematuhan prinsip ESG;
2. Mengenal pasti risiko ESG, melaksanakan strategi pengurangan dan mendedahkan peluang untuk penambahbaikan berterusan; dan
3. Mendukung komitmen dan tanggungjawab ESG kami dalam semua proses dan aktiviti perniagaan kami.

SKOP DASAR:

Dasar ini terpakai bagi pekerja dan pihak berkepentingan yang berkaitan SIRIM.

SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya yang berterusan dan apabila difikirkan perlu.

KOMITMEN KAMI:

1. Kami mematuhi semua keperluan undang-undang yang terpakai dan standard yang diguna pakai oleh SIRIM;
2. Kami melaksanakan inisiatif kelestarian dan memperuntukkan sumber yang diperlukan;
3. Kami terlibat dalam penyelidikan dan inovasi lestari untuk meningkatkan daya tahan perniagaan dan kualiti hidup;
4. Kami berkomunikasi tentang inisiatif-inisiatif dan prestasi kelestarian kami kepada semua pihak berkepentingan;
5. Kami berusaha ke arah penambahbaikan berterusan ke atas Sistem Pengurusan ESG; dan
6. Kami menggalakkan ketelusan dan ketepatan masa dalam komunikasi dengan pihak berkepentingan mengenai perkara ESG.

Atas Arahan,

NIK SAZALI BIN NIK HUSSIN

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad
01 Ogos 2025